


Kampung Magandai yang terlupakan

UB 14.5.17 B2



CATATAN KANVAS KOYAK
DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

"JANGAN pergi mandi di sungai tu bro, nanti air naik bahaya, hari dah petang ni," saya berkata kepada teman saya yang hendak pergi mandi sungai.

"Nampak hujan di kaki bukit tu," saya menegaskan lagi kepadanya. Setelah saya melihat rintisan hujan yang lebat nun jauh di kaki bukit lebih kurang dua kilometer dari tempat perkhemahan kami. Namun nasihat saya tidak dihiraukan kerana cuaca di tempat kami masih panas dan bercahaya terang maka tidak disangka akan hujan.

Saya pun meneruskan kerja mengemaskan kawasan khemah sementara menanti waktu Asar. Setelah beberapa ketika dia beredar tiba-tiba sahabat saya dan temannya muncul semula depan saya termengah-mengah macam dikejar anjing lagaknya. Rupanya mereka belum lagi berenang di sungai berkenaan.

Setelah dimaklumkan kepada saya bahawa anak sungai Sonsogon yang berdekatan Kampung Magandai sudah mengalami ledakan kepala air yang turun di hulunya tadi. Itulah salah satu kejadian

yang mengingatkan saya kepada suasana di Kampung Magandai, daerah pedalaman Kota Marudu, Sabah.

Kami berkhemah di kampung itu selama empat hari mengikuti program tahunan Rentas Borneo Permata Rimba kali keempat bagi tahun 2017. Program menjelajah serta memasuki kawasan pedalaman adalah usaha 'Out-reach' Universiti Malaysia Sabah mendekati masyarakat pedalaman tempatan.

Perjalanan kami ke kampung Magandai ini dirancang pada akhir bulan November 2016. Ini adalah salah satu projek tahunan kemasyarakatan yang bergelar 'Eksplorasi Rentas Borneo Tahunan' yang mula dilancarkan pada tahun 2013 seterusnya berlangsung setiap tahun dengan destinasi yang berbeza.

Biasanya di kawasan pedalaman negeri Sabah adalah menjadi tujuan rombongan pacuan empat roda dengan membawa bersama ahli-ahli yang terdiri dari pensyarah, mahasiswa dan siswi serta penyelidik dengan kepakaran masing-masing.

Objektif eksplorasi ini bertujuan merapatkan masyarakat menara gading terutamanya UMS dengan masyarakat pedalaman dan luar bandar. Projek ini juga adalah sebagai salah satu program *Community Service Research (CSR)* atau penyelidikan perkhidmatan masyarakat bertujuan mendekati masyarakat pedalaman dengan menghulurkan bantuan serta khidmat nasihat dari aspek runding cara atau bantuan material kepada penduduk pedalaman yang kurang mendapat kemudahan moden.

Perjalanan ke Kampung Magandai sangat lama memakan masa hampir tiga belas jam yang mana kebanyakan perjalanan melalui jalan balak yang hanya

muat sebuah kenderaan.

Seterusnya yang menjadikan perjalanan lebih rumit adalah apabila rombongan menemui banyak halangan seperti menempuh anak sungai, jalan yang berlumpur, jambatan runtuh, tanah yang lembek umpama bubur dan berlopak lopak. Akibatnya beberapa buah kereta yang perlu diberi bantuan seperti menarik, menunda dan membaiki kerosakan di tengah perjalanan.

Walaupun bagaimanapun pasukan empat roda Universiti Malaysia Sabah dan Kelab Pacuan Empat Roda Negeri Sabah bersama-sama berganding bahu dalam projek ini berjaya mengatasi rintangan namun halangan dan kemalangan tidak dapat diramalkan. Dengan kepimpinan yang baik serta pasukan sokongan yang sentiasa bersedia maka akhirnya perjalanan yang sukar menjadi lebih mudah dan selamat.

Sepanjang perjalanan dari simpang Kampung Tandik, daerah Kota Marudu menuju ke Kampung Samparita kami dihidangkan dengan pemandangan desa yang memukau dengan flora dan fauna yang terdapat di sepanjang jalan kampung berkenaan.

Terdapat juga binatang liar seperti babi hutan dan rusa yang dipelihara di dalam kandang di Kampung Samparita di hampir setiap rumah. Tanaman pokok buah buahan dan kelapa bersusun sepanjang jalan menuju ke pedalaman satu pemandangan dan suasana yang menarik.

Kami berhenti sebentar mengambil angin dan udara di jambatan Samparita dengan menikmati pemandangan jeram sungai yang sungguh mengagumkan.

Ramai ahli rombongan yang mengambil gambar kerana pemandangan sungai yang mengalir deras menggamit



PESERTA Program Rentas Borneo Permata Rimba kali keempat bersama anak-anak Sekolah Kebangsaan Magandai.

ahli rombongan merakamkan pemandangan itu.

Setelah berehat buat kali terakhir dalam kawasan yang selesa dengan kemudahan moden rombongan meneruskan perjalanan menuju ke pedalaman melalui lopak, lubang, lurah dalam serta meredah anak-anak sungai.

Beberapa buah kereta pacuan empat roda yang mengalami kegelinciran, tenggelam serta terkubur dalam lumpur yang memerlukan penundaan serta bantuan teknikal dari kereta pacuan yang lain. Pendek kata dalam lumpur yang memerlukan penundaan serta bantuan teknikal dari kereta pacuan yang lain. Pendek kata dalam lumpur yang memerlukan penundaan serta bantuan teknikal dari kereta pacuan yang lain. Pendek kata dalam lumpur yang memerlukan penundaan serta bantuan teknikal dari kereta pacuan yang lain.

Pada hari pertama perkhemahan rombongan kami di padang Sekolah Kebangsaan Magandai, baru saya sedari terdapat keindahan desa yang aman dan hening dengan flora yang sangat lumayan di sekeliling tempat kami berkhemah.

Sehingga pukul sembilan pagi, tempat kami masih dingin diselubungi oleh embun pagi sehingga membataskan penglihatan.

Menurut informan tempatan seorang anak mantan ketua kampung En Basil bin Imma menerangkan bahawa Kampung Magandai terdiri dari tujuh buah kampung yang terletak sepanjang jalan masuk ke kampung. Setiap kampung mempunyai nama tersendiri.

'Magandai' bermaksud, berani, cekal, keazaman dan keras hati menurut bahasa Dusun Kimaragang. Kampung Magandai terbina secara evolusi sejak zaman British lagi namun ia tetap ampuh walaupun zaman berubah menurut perubahan masa sehingga kini.

Menurut cerita, kampung ini menjadi tempat persembunyian wira bernama Sihong dari kaum Dusun Kimaragang yang membuat kubu pertahanan di situ. Wira Sihong sangat gagah, kebal dan berupaya terbang sebagai salah satu kehebatan beliau.

Pada masa dahulu kampung ini juga adalah laluan

pembalakan oleh sebab itu ramai dari pemuda kampung ini pada masa dahulu yang menjadi pekerja mahir balak, misalnya pengendali mesin pemotong kayu, pemandu lori, penebang balak, mekanik dan sebagainya.

Apabila perusahaan balak mulai malap maka ramai di antara mereka terus menetap di kampung tersebut dan berkahwin dengan wanita tempatan. Maka pada hari ini masih terdapat penduduk kampung yang mengusahakan membuat papan dari balak walaupun hanya disimpan di bawah rumah kerana faktor pengangkutan terutamanya jalan yang hampir tidak wujud.

Terdapat dua buah anak sungai yang menghijaukan kampung mengalir di kiri dan kanan penempatan itu. Apabila memasuki kampung itu, kita disambut oleh Sungai Magandai yang mengalir deras dengan kekebarannya yang sederhana besar dan air yang jernih namun boleh diharungi oleh pacuan empat roda untuk menyeberangi ketika musim tidak hujan, dan sebuah lagi anak sungai yang deras airnya dikenali sebagai sungai Sensogon.

Kampung Magandai terletak di puncak bukit, yang sederhana tingginya, bangunan yang signifikan dalam kawasan itu adalah sebuah sekolah rendah yang mempunyai murid seramai seratus dua puluh tiga orang sahaja, ia juga mempunyai beberapa orang guru yang sanggup berkorban untuk menaburkan bakti mendidik anak kampung yang sangat memerlukan pendidikan walaupun dalam serba kekurangan sebagai sekolah yang ideal.

Kampung yang sederhana ini mempunyai enam puluh satu keluarga yang menjadikan desa ini lebih meriah oleh aktiviti penghuninya setiap hari. Kebanyakan mereka bercucuk tanam, berburu serta memotong getah ini adalah punca utama makanan serta ekonomi di kampung berkenaan.

Semasa rombongan Rentas Borneo ke IV berada di sana beberapa buah projek yang dikenali sebagai prihatin masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Beberapa fakulti menawarkan perkhidmatan kepakaran mereka untuk kebajikan dan penambahbaikan masyarakat di situ misalnya Fakulti Perubatan menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk serta mengajar menggosok gigi dengan betul oleh jururawat.

Di samping itu Fakulti Kejuruteraan pula telah membina sebuah mini hidro elektrik untuk kemudahan tenaga di kampung tersebut memandangkan penduduk di situ kebanyakannya bergantung kepada tenaga solar.

Namun punca tenaga solar tidak mencukupi menampung keperluan asas penduduk di situ. Yang menjadikan Kampung Magandai ini lebih tenat adalah tiadanya perkhidmatan talian telefon sama ada perkhidmatan telefon mudah alih atau pun perkhidmatan telefon biasa.

Tidak ketinggalan juga sumbangan Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan mengadakan pertandingan melukis dan mewarna, pertandingan Unduk Ngadau dan busana tercantik serta pertandingan nyanyian bagi mencungkil bakat pemuda pemudi yang boleh di ketengahkan sebagai bintang pada masa akan datang.

Semasa berada di Magandai saya memerhatikan aktiviti setiap pagi warga kampung lelaki dan perempuan sambil menggondong anak di pinggang mereka menjalankan aktiviti pertanian dengan tanaman seperti jagung, sayur sayuran serta ubi dan keledek sebagai sumber pendapatan mereka.

Pengasingan kampung ini berlaku kerana ketiadaan punca penghubung sama ada jalan raya mahupun media elektronik menyukarkan penduduk kampung untuk keluar ke pekan yang berdekatan misalnya Tandek atau Kota Marudu.

Walaupun pihak tertentu menjanjikan pembangunan jalan raya secara berperingkat

yang akan dimulakan tidak lama lagi namun ia dianggap sepi oleh sesetengah masyarakat. Apabila diajukan informasi itu, mereka menceritakan bagaimana mereka terpaksa berjalan kaki sejauh tujuh hinggalapan jam untuk sampai ke pinggir jalan raya bagi membawa tanaman mereka.

Pendek kata, jalan adalah perkara utama yang sangat diperlukan oleh penduduk di situ. Semasa berada di perkampungan itu selain dari pemandangan yang damai dan tenang dikelilingi oleh bukit bukau serta fauna yang sangat melegakan hati, terdapat juga air terjun yang menyegarkan suasana, berbagai jenis unggas serta binatang buruan yang dapat dilihat berkelir di kawasan kampung.

Salah satu perkara yang menarik terdapat di kampung itu adalah seni binanya. Sebagai seorang peninat seni saya berjaya merakamkan beberapa buah rumah yang unik dengan melukis dan juga rakaman foto dengan kamera.

Apa yang dapat dilihat tidak banyak pengaruh luar yang merosakkan seni bina tempatan oleh sebab kebanyakan bahan seperti kayu, buluh, rotan, bambu dan sebagainya diperolehi di persekitaran kampung.

Selain dari itu kaum wanita kampung mempunyai kerajinan tangan menjahit busana terutamanya pakaian tradisi Dusun Kimaragang dan kaum lelaki pula membuat kraf tangan seperti tikar rotan dan sebagainya.

Pada hari keempat sampailah saat kami berpisah setelah beramah mesra dengan alam dan juga penduduk Magandai. Rasa sayu menyelubungi hati ahli rombongan yang lain kerana lambaian tangan anak-anak sekolah di sepanjang jalan keluar ke kampung menggamit kami datang semula dan juga menyampaikan pesan kesusahan mereka kepada masyarakat luar dan pihak berkuasa agar mengambil pemeduliaan terhadap nasib mereka yang 'terlupakan'.



PENULIS sempat merakamkan gambar kenangan bersama beberapa ahli rombongan.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****